

CNS8946

U GB 04-11 00173 BH354

bah

· Mahathir - DAP

TINDAKAN DAP TIDAK DEMOKRATIK. KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama). -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini 'menyif' atkan sebagai tidak demokratik, tindakan DAP menolak cadangan Barisan Nasional meminda Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah tiga kerusi Dewan Undangan Negeri dua hari lepas.

+Dengan tindakan ini DAP telah menafikan hak demokrasi sebilangan rakyat di Pulau Pinang untuk mendayat perwakilan di Dewan Negeri,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku +Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang+ oleh bekas Menteri Kebajikan itu di sini.

Katanya tindakan itu tidaklah menghairankan kerana dalam DAP, suara anggota bukanlah sesuatu yang penting seperti dalam pertubuhan-pertubuhan politik yang lain termasuk UMNO.

Dr Mahathir berkata kersjaan bercadang hendak meningkatkan sistem perwakilan rakyat tetapi DAP terbukti tidak mahu lihat rakyat mendapat suara yang lebih.

+DAP mengamalkan sistem elit dan kader di mana pemimpin memilih pemimpin dan pemimpin akan kekal dalam parti (untuk sebarang lama). Ini jelas bahawa pegangan DAP terhadap demokrasi amat lemah sekali,+ katanya.
-- Lagi

▼04/11/20-57MST

CNS8948

U GB 04-11 00133 BH355

bah

Mahathir - DAP 2 Kuala Lumpur

Katanya bilangan rakyat di sesuatu kawasan itu sudah meningkat tetapi bilangan wakil rakyat masih di peringkat lama dan itu bermakna wakil-wakil itu tidak mampu menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Dr Mahathir berkata kerajaan hendak memberi suara yang seberapa banyak kepada penduduk dalam negara ini supaya mereka mendapat wakil yang boleh mewakili mereka dalam pelbagai hal.

+Tetapi dengan penolakan ini, maka bermakna bahawa wakil-wakil rakyat yang sedia ada tidak mampu untuk mewakili bilangan pengundi yang sudah meningkat,+ katanya lagi.

Mengenai gesaan DAP supaya diadakan pungutan suara untuk menentukan pendirian rakyat mengenai tambahan kerusi itu, Dr Mahathir berkata +ini adalah pendapat golongan yang tidak berkuasa tetapi hendak mengambil kuasa, jadi mereka buatlah cadangan seperti itu.+ -- Lagi

▼04/11/20-59MST

CNS 8951

U GB 04-11 00113 BH356;

b a h

Mahathir - DAP 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Kalau dalam parti sendiri tidak ada demokrasi, jangan cakap mengenai pungutan suara,+ katanya .

Dr Mahathir, yang ditanya mengenai penjelasan Pengerusi MARA Encik Tamrin Ghafar atas pembelian 450 keanggotaan Kelab Golf Rahman Putra hari ini, berkata beliau sedang mengkaji perkara itu dan belum lagi bersedia membuat sebarang komen.

+Saya sudah menerima laporan daripada Elenteri (Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor) dan pengrusinya dan sedang mengkaji sama ada tugas-tugas MARA adalah untuk mengadakan perniagaan seperti ini ataupun mempunyai tugas-tugas lain,+ katanya.

Kerajaan, tambahnya, hendak mengetahui sama ada pembelian itu dibuat mengikut peraturan atau tidak. -- Bernama

▼04/11/21-01MST